

# '1 sen pun saya tak ambil'

Bekas PM nafi  
terbabit projek  
kontroversi, sedia  
disiasat SPRM

Oleh Alias Abd Rani  
bhnews@bh.com.my

**Kluang:** "Wallahi, satu sen pun saya tak ambil." - Demikian reaksi bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin selepas namanya dikaitkan dengan siasatan terhadap projek 1BestariNet bernilai RM4 bilion.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kelmarin dilapor menyerbu pejabat YTL Communications Sdn Bhd sebagai sebahagian siasatan terhadap projek yang bermula pada 2011.

Projek itu bermula ketika Muhyiddin menjadi Menteri Pendidikan dengan Datuk Seri Najib Razak ketika itu sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Muhyiddin berkata, beliau me-



Muhyiddin ketika hadir kenduri rakyat di Kampung Bentong Luar, Kluang, semalam. (Foto Alias Abd Rani/BH)

ngalu-alukan siasatan SPRM kerana yakin tidak terbabit dalam projek kontroversi itu.

"Dulu sudah pernah siasat dan sudah pernah dibangkitkan, tapi senyap begitu sahaja. Sekarang timbul balik, apa sebab SPRM nak siasat, saya pun tak tahu.

"Saya tidak terlibat langsung dalam sangkaan buruk itu, sebab ia berlaku sewaktu saya menjadi

Menteri Pendidikan," katanya selepas menghadiri kenduri rakyat di Kampung Bentong Luar, di sini, semalam.

## Keputusan dibuat Najib

Menurut Muhyiddin, ketika itu projek terbabit dicadangkan untuk tender terbuka serta dilakukan secara tender terbuka antarabangsa.

Keputusan itu, katanya dibuat Najib (selaku Perdana Menteri dan Menteri Kewangan) namun tidak membabitkan beliau.

"Dia (Najib) yang pilih, jadi kenapa ada yang membabitkan saya... kontrak pun saya tak tengok dan apa-apa peruntukan projek itu disediakan oleh Menteri Kewangan.

"Ini ada pula cerita baharu berkenaan soal tuntutan palsu, saya pun tak tahu. Ini pun saya tahu selepas baca surat khabar," katanya.

Terdahulu, SPRM dilapor menyita sejumlah dokumen berkaitan projek dianugerahkan kepada YTL Communications Sdn Bhd (YTL) pada 2011.

Pada 2019, Menteri Pendidikan ketika itu, Maszlee Malik, memutuskan untuk tidak menyambung kontrak YTL Communications.

Dua tahun kemudian, Maszlee mendakwa Muhyiddin mendesak perdana menteri ketika itu, Dr Mahathir Mohamad, agar beliau meletak jawatan sebagai Menteri Pendidikan berkaitan dengan kontrak YTL Communications.